



## GARIS PANDUAN

### LATIHAN INDUSTRI PELAJAR UiTM

#### Objektif

- Peluang untuk pelajar mengaplikasikan segala teori pembelajaran yang telah diperolehi ketika menuntut di universiti.
- Meningkatkan pengetahuan, kompetensi, kefahaman dan kemahiran selain mendapat pengalaman 'bekerja' dan latihan dalam bidang yang diceburi oleh pelajar.
- Memberi pendedahan kepada pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman secara realiti di bawah seliaan pegawai professional.

#### Penjadualan

- Pihak organisasi hendaklah menyediakan jadual latihan bagi pelatih.
- Tempoh latihan adalah mengikut kepada keperluan setiap program dan dinyatakan dalam surat permohonan.
- Pengisian kandungan latihan industri merangkumi aspek-aspek bidang yang dipelajari oleh pelajar.

#### Kemahiran Komunikasi

Aspek-aspek komunikasi dan kemahiran insaniah (*soft skills*) seperti tugas yang memerlukan pelatih menggunakan persembahan multimedia, menganjur aktiviti tentang kesedaran pengurusan rekod yang baik, mengendalikan mesyuarat/ ambil minit, berinteraksi dan bekerja secara berpasukan, penyelesaian masalah, kepimpinan, pengurusan masa dan disiplin/sikap dll.

#### Penyelidikan dan Penilaian

Kajian keperluan latihan kakitangan, aktiviti pengguna, keperluan maklumat pengguna, penilaian pangkalan data dll.

Perkara/latihan lain yang difikirkan sesuai bagi profesion ini yang pelatih perlu jalani.

- Contoh jadual dilampirkan.
- Pihak organisasi boleh merangka mengikut kesesuaian dan keperluan.
- Kandungan/pengisian jadual boleh berubah mengikut jenis organisasi/Agensi.